

Puisi

Wan Ahmad Tajuddin Wan Abdullah

BENGKEL EKONOFIZIK DI TEBING KOMOGAWA

bunga ceri telah pergi pun
musim samurai malu di kaki yoshida
engkau di antara paksi subruang konsepanku

musim Edo telah santaian
kota & istana kekosongan raja
kita soal kerasionalan

kini musim pasca-Arrow-Keynes
celaru cuaca menjenguk Jepang
manusia neostokastik

masihkah panas di khatulistiwa
pasca termodinamik Daim-Mahathir
mahu pulang bawa bungkusan

*Kyoto
Mei 2004*

CERN@60

fizikus itu setua makmal lama ini
rambut seputih tanjak salji pegunungan jura
masih mencari setia zarah kuantumnya
pada talam salad dan roti bagel
di celah-celah meja kafeteria 501

remaja pengidam nobel
ilmu serapi aturan gigi
semangat mencari zarah kuantumnya
pada kertas nota beragi dan kopi
di antara kelompok meja kafeteria 40

Swiss/Perancis 2014

PUISI TANPA JUDUL

seribu ribu ribu surya
terlerai sepi
pada luasnya ruang
cahaya daripada
seribu ribu ribu tahun yang lalu.

setitik insan
di atas bumi
setitik planet
di sisi matahari
dari seribu ribu
dan galaksi-galaksi
bertabur
merangkup ruang.

seketika hayat
dari seribu ribu
dari seribu ribu ribu tahun
hayat semesta.

Biodata Penulis:

Wan Ahmad Tajuddin Wan Abdullah

Penulis merupakan Profesor di Jabatan Fizik, Universiti Malaya. Memperoleh Ijazah Ph.D. dalam Fizik dari University of London (1985). Pernah menerima Anugerah Saintis Muda Negara (1995) dan Anugerah Saintis Penyelidik Teratas Malaysia, Akademi Sains Malaysia (2014). Kumpulan puisinya *Lawatan Lain* (1995) dan antologinya bersama-sama Leo AWS berjudul *8 Puisi Bebas Ruang dan 8 Sajak Budak Tepi Sungai* (2006).